

Pertandingan KAWAD KECEKAPAN Operasi Kebombaan Peringkat Kebangsaan 2008

BULETIN

Bil.3/2008 (16 Julai 2008)

Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia



ERA PERSAINGAN TAKTIKAL DAN STRATEGI



Tanggal 15 Julai 2008 menyaksikan lima acara Pertandingan Kawad Kecekapan (PKK) Operasi Kebombaan Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2008 telah berjalan serentak. Lima acara ini akan mengambil tempat selama dua hari iaitu bermula 15 Julai dan tamat pada 16 Julai 2008. Acara-acara yang dimaksudkan adalah Kawad Operasi Menyelamat Menurunkan Mangsa, Kawad Operasi Hantaran Jauh Berhalangan, Kawad Operasi Penyelamatan Kemalangan Jalanraya, Sindiket Perancangan / Strategi Dan Taktik Operasi (*table top*), dan Kawad Operasi Menyelamat Di Air.

Kelima-lima acara ini menyajikan keistimewaan dan keunikannya tersendiri. Namun terdapat satu persamaan bagi semua acara tersebut iaitu memerlukan ketangkasan berfikir secara strategik kerana masa serta keberkesanan keputusan yang tepat adalah faktor terpenting yang menentukan kejayaan sesebuah pasukan.

Pepatah Inggeris berbunyi "*If you fail to plan, you're plan to fail*" menggambarkan pentingnya merancang secara rapi dan efektif. Pengalaman serta pengetahuan mendalam tentang suatu bidang perlu diadun sebaiknya agar keputusan yang diambil bersifat konkrit dan tepat mengikut keadaan.

Kelima-lima acara tidak sahaja memerlukan kekuatan fizikal semata-mata tetapi juga memerlukan kritisnya pemikiran serta persefahaman tentang strategi yang digunakan. Justeru itu, latih tubi sebelum pertandingan ataupun sebelum kejadian operasi terjadi adalah amat penting. Ia tidak sahaja memberi pengalaman tetapi juga melatih minda ke arah persediaan menghadapi situasi yang penuh tekanan.

Acara "*Table Top*" dan RTA misalnya harus dilihat sebagai medium latihan dan pembelajaran yang menduga keupayaan individu (Komander Operasi) serta persefahaman pasukan. Kesemua acara memerlukan setiap pasukan merancang taktikal dan strategi terbaik bagi mengatasi cabaran yang diberikan. Hanya pasukan yang merancang dengan rapi serta mengambilkira semua aspek mampu keluar sebagai juara.

Dalam memastikan adakah strategi dan taktik yang dipilih merupakan yang terbaik, elemen pengetahuan dan pengalaman menyumbang peranan yang penting. Kepentingan pengetahuan sememangnya tidak boleh disangkal, begitu juga pengalaman sebagaimana kata-kata Robert Murgallis dan Burton Phelps (2004), "*Experience is the key to effective decision making on the emergency scene.*" Strategi dan taktik yang dipilih adalah bersifat subjektif memandangkan ianya perlu berdasarkan keadaan semasa. Pilihlah kata-kata Anna Sewell, "*I am never afraid of what I know*", dalam memastikan kita berada pada situasi yang memihak kepada kita.

Lima acara PKK yang berlangsung pada 15 dan 16 Julai 2008 merupakan acara pertembungan strategi dan taktik setiap pasukan. Kekuatan fizikal merupakan bonus bagi pasukan, tetapi elemen yang penting dalam mengatasi cabaran yang dihadapi adalah keberkesanan strategi, taktik serta kecekapan dalam melaksanakan strategi tersebut.



coretan KETUA EDITOR

Salam sejahtera dan salam hormat,

Bahang persaingan di antara kontinjen-kontinjen negeri mulai terasa dan semakin membara di lima lokasi pertandingan PKK 2008. Kejayaan besar Kontinjen Negeri Kelantan merangkul Kejayaan Acara Kawad Kaki PKK 2008 sedikit pun tidak mematahkan daya juang dan semangat pertandingan di kalangan anggota-anggota kontinjen lain. Ini kerana falsafah kejayaan sebenarnya tidak semestinya tersurat dalam bentuk piala atau hadiah tetapi suatu hasil perjalanan atau pengalaman yang dituai dari pertandingan bak kata pujangga "*Kejayaan bukan satu destinasi, tapi ia adalah satu perjalanan, semakin jauh anda berjalan, semakin bagus anda akan jadi, ia tak pernah berpenghujung*". Lantaran itu, semua kontinjen tidak mudah berputus asa untuk memberikan persembahan yang terbaik dan sempurna demi kepentingan dan kebaikan jabatan. Hari kedua PKK 2008 menyaksikan pelbagai persembahan dan pencapaian yang ditunjukkan oleh setiap kontinjen di lokasi pertandingan. Semua anggota-anggota kontinjen pula terus memberikan komitmen serta menunjukkan kesungguhan, sikap positif dan disiplin yang tinggi dalam persaingan di dalam acara yang dipertandingkan.

Sesungguhnya, pesaing sebenar bagi setiap individu yang bertanding adalah diri sendiri, yakni pertandingan sebenar sudah bermula dari dalam diri anggota itu sendiri sebelum menyertai pasukannya untuk bersaing dalam acara-acara PKK 2008. Dalam erti kata lain, anggota berkenaan cuba untuk membuktikan keupayaan sebenar dirinya sendiri berbanding tanggapan dan penilaian yang dibuat ke atas dirinya sendiri. Apakah individu berkenaan mempunyai persediaan yang sempurna dari segi mental, fizikal dan emosi sebelum melangkah ke arena sebenar? Kekuatan dan kelebihan sesebuah pasukan amat bergantung kepada 'unit kecil' dalam pasukan iaitu anggota. Dalam hal ini, setiap anggota pasukan perlu mempertingkatkan kemahiran, meluaskan pengetahuan serta pengalaman secara global di samping meningkatkan kualiti dan mutu kerja dalam perkhidmatan selaras dengan Visi dan Misi Jabatan. Selamat berjuang untuk mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan diri anda yang sebenarnya..

Sebarang pertanyaan, sila hubungi :-

Ketua Editor Buletin PKK 2008, Unit ICT,
Akademi Bomba dan Penyelamat, Malaysia, Wakaf Tapai.
Tel : 09-6803301 ext 2035/2032/2033/2044

WAKTU SOLAT

DAERAH MARANG DAN KUALA TERENGGANU
16 JULAI 2008 (RABU) BERSAMAAN 13 REJAB 1429 HIJRAH

SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRI B	ISYAK
5.39	7.02	1.16	4.40	7.27	8.41

MAKLUMAN

FORUM PERDANA

Daripada YADIM & FRAM

TARIKH : 16 / 07 / 2008
TEMPAT : AUDITORIUM
MASA : 8.00 MLM

SIDANG REDAKSI

Penaung

PgKB1 Norazam Bin Khamis

Ketua Editor

PgB Jupirik @ Jupiri Bin Apou

Editor

PgB Henderi Bin Ardimansyah
PPgB Mohd Sabri Bin Ismail
PBIII Thoyyibah Binti Taib

Rekabentuk Grafik

PBIII Thoyyibah Binti Taib
PB Mohd Azam Bin Mohd Noor
PB Murni Binti Mohamad
PB Lizawati Binti Mohd Nasir

Fotografi

PBII Suki Bin Anuar
PB Raja Arisan Sahseni
PB Rassyidee Bin Che Bebakar
PB Mohd Hazri Bin Abd Manan
PB Mohd Hazirul Anuar
PB Mohd Faizal Bin Sulaiman
PB Mohd Kharul Anuar
PB Norashid Bin Mamat
PB Zulkarnaian Bin Abd Karim

Pembantu Sidang Redaksi

Pegawai Kadet Siri 1/2008



PERTANDINGAN KAWAD OPERASI HANTARAN JAUH BERHALANGAN



Fokus Minda

Bunyi wisel permulaan bagi acara Kawad Operasi Hantaran Jauh Berhalangan (KOHJB) menggegarkan peserta kontinjen yang bertanding. Ibarat bunyi siren apabila berlaku kebakaran, para anggota segera bertindak pantas untuk memulakan operasi pemadaman api semasa pertandingan. Senario ini kelihatan di lokasi pertandingan KOHJB di mana setiap anggota pasukan dengan tangkas melaksanakan tugas masing-masing. Persaingan KOHJB dimulakan oleh Kontinjen Negeri Terengganu, diikuti oleh Kontinjen Wilayah Persekutuan Labuan dan Kontinjen Negeri Pahang. Sebanyak 13 kontinjen telah menunjukkan kecekapan, kemahiran dan kekuatan semangat kerja berpasukan (team work) dalam persaingan merebut gelaran Juara 'Long Lay On' PKK 2008.

MENENTUKAN KEJAYAAN PASUKAN

Pertandingan ini diadili oleh para pengadil yang diketuai oleh PPjB Abu Obaidat bin Mohamad Saithalimat dan Pegawai Wasit pula adalah PPjB Soberi bin Basiran. Dalam pertandingan KOHJB ini, kecekapan setiap anggota dalam pasukan amat penting untuk memastikan matlamat pasukan untuk mencatatkan masa terpantas dapat dicapai. Kontinjen-kontinjen yang bertanding ternyata mempunyai kelebihan masing-masing dalam persaingan kerana setiap anggota memahami dengan jelas tugas dan tanggungjawab dalam 'operasi' semasa pertandingan. Perkara yang menjadi perhatian umum dalam acara ini adalah fokus atau tumpuan minda anggota dalam melaksanakan tugas atau gerak kerja yang melibatkan perkakasan kebomwaan. Setiap langkah dibuat dalam turutan agar kesilapan tidak berlaku pada selang yang begitu kritikal dan diambilkira dalam pertandingan ini.



PERTANDINGAN KAWAD OPERASI MENYELAMAT MENURUNKAN MANGSA



Lakukan Gerak Kerja Dengan Betul Dan Cepak



Dalam usaha menyelamatkan, masa selalunya dijadikan fokus utama dalam menilai kejayaan usaha penyelamatan yang dilakukan. Namun, bagi barisan pengadil yang diketuai oleh PgKB I Hassan 'As'ari bin Omar yang mengadili Pertandingan Kawad Operasi Menyelamat Menurunkan Mangsa, faktor masa bukanlah penentu mutlak kejayaan sesuatu usaha penyelamatan. Banyak lagi elemen lain yang dinilai dan diambil kira sebagai ukuran kejayaan misi penyelamatan.

Bertempat di *Drill Tower 2*, Padang Kawad Akademi, Pertandingan Kawad Operasi Menyelamat Menurunkan Mangsa membuka gelanggang persaingannya dengan pasukan negeri Terengganu menjadi pasukan pertama memulakan persaingan.

Acara yang lumrahnya menyajikan aksi-aksi dan adegan- adegan dramatik serta cemas, menjadi tumpuan dan perhatian ramai yang memperlihatkan kombinasi ketangkasan dan kecekapan pasukan dalam melakukan beberapa aksi dan gerak. Ianya merangkumi gerak kerja menurunkan tangga dari jentera, membawa tangga ke tepi bangunan, memakai BA, berdiri dan menegakkan tangga, memanjat menaiki tangga, membawa mangsa menuruni tangga, membawa mangsa ke tempat selamat, menurunkan tangga dan meletakkan tangga kembali di jentera.

Sebanyak sembilan pasukan telah berjaya menamatkan persaingan mereka bagi hari pertama acara dipertandingkan dengan pasukan dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menjadi pasukan terakhir menyudahkan saingan bagi hari pertama ini. Keseluruhan pertandingan bagi acara ini dipantau dan dinilai oleh PgKB 1 Mohd Tilmizi Bin Mustapa yang bertindak sebagai wasit bagi pertandingan Kawad Operasi Menyelamat Menurunkan Mangsa bagi Pertandingan Kawad Kecekapan 2008.



PERTANDINGAN KAWAD OPERASI PENYELAMATAN KEMALANGAN JALAN RAYA (RTA)

Ketepatan Masa Bertindak Kritikal

Pertandingan Kawad Operasi Penyelamatan Kemalangan Jalanraya (RTA) memulakan aksinya dengan Kontinjen Negeri Melaka mendahului kontinjen-kontinjen lain. Acara ini boleh dianggap sebagai acara teknikal dan taktikal kerana perancangan dan pelaksanaan tindakan untuk menyelamatkan mangsa akan dibuat setelah 'size up' dibuat di kawasan lokasi 'kemalangan'.

Setiap tindakan untuk menyelamatkan mangsa perlu mengambilkira risiko dan kemerbahayaan di kawasan operasi. Ketepatan masa bertindak dan pemilihan taktik dan teknik untuk mengeluarkan dan memindahkan mangsa sangat kritikal. Pengadil pertandingan ini diketuai oleh PPjB Md Ali bin Ismail dan Pegawai Wasit pula adalah PgKB I Abdul Razak bin Muda.

Secara keseluruhan hari pertama acara ini, semua kontinjen mempamerkan persembahan dan prestasi yang memuaskan. Namun begitu, terdapat perkara-perkara yang diperbaiki lagi oleh setiap anggota iaitu pengendalian mangsa, pemantauan risiko dan bahaya-bahaya di tempat kejadian dan kelemahan komunikasi di dalam pasukan yang menjejaskan prestasi kerja dan membahayakan anggota dan 'mangsa' yang terlibat.





Tiada Pilihan Gagal

Semalam 15 Julai 2008 menyaksikan 9 pasukan negeri-negeri terlibat dalam acara Sindiket Perancangan / Strategi Dan Taktik Operasi. Sebanyak 9 pasukan telah mengambil giliran pada pagi dan petang 15 Julai 2008 tersebut. Manakala baki 6 pasukan lagi akan bertanding pada 16 Julai 2008.

Pertandingan bermula pada jam 9.00 pagi bertempat di Bilik Gerakan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai dengan Pasukan Kelantan mendapat giliran pertama. Sehingga jam 12.30 tengahari, pasukan-pasukan negeri yang terlibat mengikut giliran adalah negeri Perak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Perlis.

Pertandingan disambung semula pada jam 2.15 petang. Pada sebelah petang, giliran 5 pasukan pula akan bertanding iaitu negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Kedah dan Negeri Sembilan. Acara *Table Top* ditangguhkan pada jam 7.15 petang kepada keesokan harinya (16 Julai 2008).

Walaupun pertandingan Sindiket Perancangan / Strategi Dan Taktik Operasi atau umumnya dikenali juga dengan "*Table Top*" diadakan dalam ruang tertutup dan terkawal, namun senario yang diberikan serta soalan-soalan suntikan membuatkan para peserta berpeluh dan tertekan. Peserta-peserta perlu bijak berfikir secara kritis dan pantas. Keupayaan *Incident Commander* dalam mengawal situasi di samping memberi arahan-arahan jitu benar-benar teruji pada acara "*Table Top*".

Pertandingan ini telah diadili oleh pegawai-pegawai berpengalaman dan mempunyai pengetahuan luas di dalam perancangan strategi kebommbaan dan penyelamatan. Ketua Pengadil bagi acara "*Table Top*" adalah PKPjB Othman bin Abdullah. Barisan pengadil turut diperkuatkan dengan PPjB Nor Hisham bin Mohamad, PgKB I Mohd. Zahari bin Mohd. Kasa, PgB Murugiah a/l Muthusamy, PPgB Miden bin Sulaiman dan dibantu oleh pegawai teknikal PB Shamsudin bin Amin. Manakala Wasit yang dilantik bagi acara ini adalah PPjB Mohd. Rodzi bin Sulaiman dari Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, Ibu Pejabat.



PERTANDINGAN SINDIKET PERANCANGAN / STRATEGI TAKTIK OPERASI (TABLE TOP)

Para Peserta perlu berfikir secara kritis dan pantas...



Keupayaan peserta-peserta teruji...





PERTANDINGAN KAWAD OPERASI MENYELAMAT DI AIR

'TASIK PUTERI' KEMBALI BERGELORA

Kawad Operasi Menyelamat di Air merupakan salah satu acara kawad yang paling berprestij yang memerlukan kemahiran dan disiplin yang tinggi. Kawad yang memerlukan aplikasi kepada kefahaman dan pengetahuan berkenaan tatacara, kaedah dan prosedur penyelaman yang ditetapkan.

Kawad menyelamat di air telah masuk tahun keenam sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2003. Bagi tahun 2008 pertandingan kawad ini masih lagi dijalankan di Tasik Puteri, Bukit Besi, Terengganu.

Wasit pertandingan bagi kawad menyelamat di air bagi PKK 08 dipertanggungjawabkan kepada PgKB 1 Nazili bin Hj Mahmood manakala PgB Syufa'at bin Kamaron mengetuai barisan pengadil pertandingan.





INFO PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Oleh : PgB Henderi Bin Ardimanshah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kini dalam fasa tranformasi organisasi iaitu dengan erti kata mudah penstrukturan semula organisasi. Perkembangan ini telah membawa beberapa perubahan besar, antaranya pertukaran pegawai-pegawai yang melibatkan Kumpulan Pengurusan Tertinggi. Kumpulan ini yang merupakan tonggak kepimpinan jabatan sama ada di peringkat Ibu Pejabat atau Negeri adalah perlu kita kenali dan tahu gelaran pangkat serta jawatan yang disandang. Justeru itu, disenaraikan nama-nama pegawai kanan sebagaimana dalam jadual untuk makluman dan perhatian warga jabatan.

NO	NAMA JAWATAN	GRED	NAMA PENYANDANG	GELARAN
1	KETUA PENGARAH	VU5	DATO' HAMZAH BIN ABU BAKAR	YAS Dato
2	TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)	VU6	PjB DATO' MAHADI BIN MD. ALI	YAS Dato
3	TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)	VU7	TPjB DATO' WAN MOHD. NOR BIN HJ. IBRAHIM	YAS Dato
4	PENOLONG KETUA PENGARAH BAHAGIAN OPERASI KEBOMBAAN DAN PENYELAMAT	VU7	TPjB AMER BIN YUSOFF	YS
5	PENOLONG KETUA PENGARAH BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN	VU7	TPjB DATO'RUSMANI BIN MUHAMAD	YS Dato'
6	PENOLONG KETUA PENGARAH BAHAGIAN LATIHAN	KB54	PKPjB HJ. ZURKARNAIN BIN MD. KASSIM	YS
7	PENOLONG KETUA PENGARAH BAHAGIAN PEMBANGUNAN	KB54	PKPjB YUSOF BIN SIDEK	YS
8	PENOLONG KETUA PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN	KB54	PKPjB DATO' MOHD. HUSAIN BIN AHMAD TAKIN	YS Dato'
9	PENOLONG KETUA PENGARAH BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN	KB54	PKPjB EDWIN GALAN TERUKI	YS
10	PENOLONG KETUA PENGARAH BAHAGIAN UDARA	KB54	PKPjB MOHD. YUNOS BIN ABU HASSAN	YS
11	PENGARAH BAHAGIAN PENGURUSAN	M54	TN. HJ. ZAINUDDIN BIN AZIZ	YS
12	PENOLONG KETUA PENGARAH PENGURUSAN KORPORAT	KB52	PPjB ZAMRI BIN CHE DIN	YS
13	PENGARAH BAHAGIAN KEJURUTERAAN JENTERA	J52	Ir. MOHD. RAMLI BIN HASAN	YS
14	PENGARAH NEGERI SELANGOR	KB54	PKPjB SOIMAN BIN JAHID	YS
15	PENGARAH NEGERI PULAU PINANG	KB54	PKPjB AHMAD IZRAM BIN OSMAN	YS
16	PENGARAH NEGERI W.P KUALA LUMPUR	KB54	PKPjB MOHAMMAD HAMDAN BIN WAHID	YS
17	PENGARAH NEGERI JOHOR	KB54	PKPjB AB. GHANI BIN DAUD	YS
18	PENGARAH NEGERI PAHANG	KB52	PPjB ABDUL WAHAB BIN MAT YASIN	YS
19	PENGARAH NEGERI PERAK	KB52	PPjB MOHAMAT DIN BIN HJ. RAJAD	YS
20	PENGARAH NEGERI KEDAH	KB52	PPjB ZAINUDDIN BIN MD. ALIP	YS
21	PENGARAH NEGERI SABAH	KB52	PPjB KHIRUDIN BIN DRAHMAN @ HUSAINI	YS



NO	NAMA JAWATAN	GRED	NAMA PENYANDANG	GELARAN
22	PENGARAH NEGERI SARAWAK	KB52	PPJB AHMAD BIN SHAHABUDIN	YS
23	PENGARAH NEGERI KELANTAN	KB48	PgKB1 AZMI BIN OSMAN	YS
24	PENGARAH NEGERI TERENGGANU	KB48	PgKB1 PAUZAN BIN AHMAD	YS
25	PENGARAH NEGERI SEMBILAN	KB48	PgKB1 MD. SALLEH BIN SARBINI	YS
26	PENGARAH NEGERI MELAKA	KB48	PgKB1 NIK ZULKIFLI BIN IBRAHIM	YS
27	PENGARAH NEGERI WP. LABUAN	KB44	PgKB II NORIZAN BIN SULAIMAN	YS
28	PENGARAH NEGERI PERLIS	KB41	PgB MOHD. FADZIL BIN HAROON (TIMB. PENGARAH)	YS
29	KOMANDAN, AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA, WAKAF TAPAI	KB48	PgKB1 NORAZAM BIN KHAMIS	YS

GELARAN, RINGKASAN DAN GRED JAWATAN BARU

Gelaran	Gred Jawatan	Ringkasan
Ketua pengarah Bomba (<i>Director General</i>)	Jusa A	KP
Pesuruhjaya Bomba (<i>Commissioner</i>)	Jusa B	PjB
Timbalan Pesuruhjaya Bomba (<i>Deputy Commissioner</i>)	Jusa C	TPjB
Penolong Kanan Pesuruhjaya Bomba (<i>Senior Assistant Commissioner</i>)	KB 54	PKPjB
Penolong Pesuruhjaya Bomba (<i>Assistant Commissioner</i>)	KB 52	PPjB
Penguasa Kanan Bomba I (<i>Senior Superintendent</i>)	KB 48	PgKB I
Penolong Kanan Bomba II (<i>Senior Superintendent II</i>)	KB 44	PgKB II
Penguasa Bomba (<i>Superintendent</i>)	KB 41	PgB
Timbalan Penguasa Bomba (<i>Deputy Superintendent</i>)	KB 38	TPgB
Penolong Kanan Penguasa Bomba (<i>Senior Assistant Superi</i>)	KB 32	PKPgB
Penolong Penguasa Bomba (<i>Assistant Superintendent</i>)	KB 29	PPgB
Pegawai Bomba Tinggi (<i>Leading Fire Officer</i>)	KB 26	PBT
Pegawai Bomba Kanan 1 (<i>Senior Fire Officer I</i>)	KB 24	PBK I
Pegawai Bomba Kanan II (<i>Senior Fire Officer II</i>)	KB 22	PBK II
Pegawai Bomba (<i>Fire Officer</i>)	KB 17	PB

Rujukan : Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



AKSI MENARIK.....

Sepanjang HARI KE - 2



KAWAD HANTARAN JAUH

TABLE TOP



KAWAD OPERASI MENYELAMAT MENURUNKAN MANGSA


KAWAD OPERASI PENYELAMATAN JALANRAYA



KAWAD OPERASI MENYELAMAT DI AIR



SENYUM BOMBA



Mana plak nozel ni...huh..

Laju-LajuArgh..

Ha..ha, dah sampai kat dam..pantas betul aku ni

CEPAT-CEPAT

Ikatan Clove Hitch siap!!

Cepat Coupling...

Macamne ni..ko mimpi ke?mane bleh hos suksyen coupling dengan hos hantaran

Alamak,!aku terambil hos hantaran plak

Woit..ko buat apa tu Labu..?

MORAL : JANGAN TERLALU KELAM -KABUT....



Juara : Mohd Halid Bin Hassan
 Naib Juara : Mohd Fuzaymie Bin Nordin
 Ketiga : Mohd Sahri Bin Abdul Rahim

BINTANG PKK 2008



Sempena PKK 2008, satu acara pertandingan istimewa telah dianjurkan khas untuk para peserta kontinjen PKK oleh pihak penganjur. Pertandingan Bintang PKK 2008 telah diadakan di pentas Astaka, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai, Marang, Terengganu. Seramai 15 orang peserta pertandingan telah bersaing dalam peringkat saringan dan hanya 6 orang peserta berjaya melangkah ke Peringkat Akhir Pertandingan Bintang PKK 2008. Pertandingan ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran YS PgKB I Norazam bin Khamis, Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia dan beberapa orang pegawai kanan jabatan. Johan Bintang PKK 2008 telah disandang oleh PB II Khalid bin Hassan dari Kontinjen Negeri Perlis. Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan ini telah disempurnakan oleh YS PgKB I Norazam bin Khamis, Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia. Pertandingan ini telah mengasah dan mencungkil bakat-bakat dalam bidang seni suara di peringkat jabatan sempena PKK 2008. Secara keseluruhannya, objektif program ini telah tercapai dengan jayanya iaitu sebagai aktiviti rekreasi untuk menghiburkan hati para penonton dan para peserta kontinjen-kontinjen setelah menempuhi pelbagai acara pertandingan PKK 2008 pada siang hari.

KLIK 1

Woi.,korang ingat sini pasar malam ke nak jual kain baju!! hah



Kan aku dah cakap ngan ko jgn bawak datang sini kain baju ni,kan dah kena marah ngan bos...

Periksa betul2 jangan ada yang silap nanti....



Oh azizah...buah hatiku, oh marilah..hatiku rindu...huhuh...isk..iskh h....wa.....nak balik



Tuan2,hari ni kita akan belajar macam mana nak melukis ulat gonggok.....



Alamak tak habis2 orang tua ni membebel, dah naik pekak telinga aku nak dengar...

Nenong..nenong...rumah terbakar panggil bomba,bomba datang berlumba-lumba...

